




Buletin
**Pertandingan Kawat Kecekapan
Operasi Kebombaan 2006**

Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai

Bil. 2
Khamis
27.07.2006

HARI KE - 2

**PERTANDINGAN KAWAT KECEKAPAN
OPERASI KEBOMBAAN**



LEBJH MENCABAR



Ketua Editor



Salam sejahtera, kepada semua peserta dan petugas Pertandingan Kawat Kecekapan Operasi Kebombaan 2006, pada edaran kali ini buletin memaparkan sedutan-sedutan dan rakaman acara yang berlangsung sepanjang hari kedua pertandingan. Setelah acara Kawat Kaki menutup tirainya semalam, tumpuan kini beralih ke lima *venue* pertandingan yang memperlihatkan persaingan sepuluh pasukan berentap dalam setiap acara yang berlangsung, Kawat Operasi Menyelamat Menurunkan Mangsa dijalankan di *Drill Tower 2* Padang Kawat, Kawat Operasi Hantaran Jauh Berhalangan dilangsungkan di Jalan Susur Kuarters, Kawat Operasi Penyelamatan Jalanraya di Jalan Persiaran Utama Padang Kawat dan *Table Top* diadakan di Bilik Gerakan FRAM Wakaf Tapai.

Manakala pertandingan Kawat Operasi Menyelamat Di Air dilangsungkan di Tasik Puteri, Bukit Besi. Dengan berlangsungnya acara acara teknikal dan taktikal ini, maka cabaran terhadap *man, machine, method, material*, dan *money* akan teruji. Namun begitu, melihatkan kepada semangat, komitmen tinggi dan kerjasama yang tak berbelah bahagi yang ditunjukkan oleh semua, baik dari peserta, wasit, pengadil, petugas dan semua yang terlibat, kita yakin dan percaya kecemerlangan dan kehebatan pertandingan ini akan dapat diteruskan hingga ke hari akhir pertandingan seterusnya dapat merekodkan catatan prestasi yang lebih baik berbanding pertandingan pada tahun-tahun sebelumnya. Selamat meneruskan cabaran.

REDAKSI

**PENANGUNG
PENASIHAT
EDITOR**

**GRAFIK & DESIGN
JURUZOJO**

**PERCEJAKAN
& EDARAN**

*PPjB Nordin Pauzi
PgKB Norazam Bin Khamis
PPgB Mohamad Sabri Ismail,
PB III Suki Annuar,
PB III Thoyibah Taib
PB Mohd Azam Mohd Noor
PB Raja Arisan Sahseni Raja Semail,
PB Rassyidee Che Bebakar,
PB Khairul Anuar Abd. Wahid,
PB Abdul Rashid Mamat
PB Mohamad Ishak,
PRA Ghazali Jusoh,
PRA Fathi Ilmi A Rahman*

WAKTU SOLAT

27hb Julai 2006

Zohor	- 1.16 petang
Asar	- 4.38 petang
Magrib	- 7.26 malam
Isyak	- 8.40 malam
Suboh	- 5.41 pagi


*Sesungguhnya sembahyang itu
satu ketetapan yang diwajibkan
atas orang-orang yang beriman,
yang tertentu waktunya.
(An Nisaa 103)*



- Jadi Rebutan -



Piala Pusingan Ketua Pengarah
Johan Keseluruhan
Pertandingan Kawat Kecekapan
Jabatan Bomba Dan Penyelamat
Malaysia



Piala Pusingan Pertandingan
Kawat Kecekapan
Kategori Kawat



Aksi-Aksi Pertandingan Semalam.....



Wasit

Kawat Operasi Hantaran Jauh Berhalangan




Kekuatan....setiap pasukan memanaskan badan sebelum pertandingan



Pengujian....pihak bengkel sentiasa memastikan kendaraan dalam keadaan baik



Siap....peserta membuat pemeriksaan terakhir terhadap kelengkapan diri



Lapor....ketua pasukan melaporkan kepada pengadil pertandingan sebelum mula

26 Julai 2006 - Tepat jam 0900 pagi, bertempat di Jalan Susur Kuarters FRAM Wakaf Tapai, acara Kawat Operasi Hantaran Jauh Berhalangan telah dimulakan. Dengan diketuai oleh ketua pengadil yang berpengalaman dalam acara ini, sebanyak sebelas (11) pasukan telah berjaya menunjukkan kemahiran dan ketangkasan dalam merebut kejuaraan acara ini. Pelbagai ragam sebelum dan selepas pertandingan dapat disaksikan, dimana antaranya ada pasukan yang telah berjaya memecahkan 'pump casing' dan meletupkan 'male coupling'. Atas budi bicara dan persetujuan ketua pengadil, sebanyak 3 pasukan telah diulang semula pertandingan kerana 'technical default'. Manakala 2 pasukan telah tersingkir dari pertandingan. Keseluruhan pada hari pertama Pertandingan Kawat Operasi Hantaran Jauh Berhalangan telah berjaya dilaksanakan.



Halangan....antara halangan-halangan yang perlu ditempuhi



Mula....masa mula dikira setelah wisel permulaan dibunyikan



Pecah....pump casing 'Portable Pump' dan 'male coupling' pecah semasa pertandingan kali ini



Padam....setiap pasukan dikehendaki memastikan api dipadam sepenuhnya sebelum masa dihentikan



Kawat Operasi Menyelamat Menurunkan Mangsa

26 Julai 2006 - Tepat jam 0900 pagi, bertempat di Menara Kawat 2, FRAM Wakaf Tapai, acara Kawat Menyelamat Menurunkan Mangsa telah dimulakan. Dengan diketuai oleh ketua pengadil yang berpengalaman dalam acara ini, sebanyak sepuluh (10) pasukan telah berjaya menunjukkan kemahiran dan ketangkasanan dalam merebut kejuaraan acara ini. Pelbagai ragam sebelum dan selepas pertandingan dapat disaksikan.




Periksa....pengadil membuat pemeriksaan terhadap peralatan yang akan digunakan dan kekemasan pakaian



Mula....peserta mula membawa tangga ke menara kawat bagi menyelamat mangsa

Keselamatan....peserta mestilah mengikuti prosedur (SOP) supaya risiko dapat dikurangkan.



Turun...penyelamat menurunkan mangsa



Pengusungan...mangsa diletakkan di atas 'stretcher'



Kemas...peserta membawa tangga ke jentera bagi menamatkan pertandingan



Kawat Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalanraya

26 Julai 2006 - Tepat jam 0900 pagi, bertempat di Jalan Susur Utama Padang Kawat, FRAM Wakaf Tapai, acara Kawat Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalanraya telah dimulakan. Dengan diketuai oleh ketua pengadil yang berpengalaman dalam acara ini, sebanyak sebelas (11) pasukan telah berjaya menunjukkan kemahiran dan ketangkasan dalam merebut kejuaraan acara ini. Pelbagai ragam sebelum dan selepas pertandingan dapat disaksikan, dimana antaranya ada pasukan yang tidak berjaya mengeluarkan mangsa.



Penerangan....ketua pengadil menerangkan tatacara kawat penyelamatan kemalangan jalanraya



Susun....petugas mula menyusunkan kedudukan kenderaan mengikut ketetapan yang telah ditetapkan



Siap Sedia....peserta memastikan peralatan yang digunakan siap sedia untuk diberi kepada penyelamat



Taklimat....ketua pengadil memberi taklimat ringkas kepada pengadil pertandingan



Potong....peserta mula membuat kerja-kerja pemotongan kenderaan




Stabil....peralatan yang betul harus digunakan dalam penstabilan kenderaan



Tinjau....anggota membuat tinjauan sebelum memulakan kerja-kerja penyelamatan



Penyelamatan....kerja-kerja mengeluarkan mangsa dilakukan setelah selesai kerja pemotongan





Keselamatan....peserta mengaminkan Doa bagi memastikan keselamatan semasa pertandingan terpelihara

Kawat Operasi Menyelamat Di Air

26 Julai 2006 - Tepat jam 0900 pagi, bertempat di Tasik Puteri Bukit Besi, Dungun, acara Kawat Operasi Menyelamat Di Air telah dimulakan. Dengan diketuai oleh ketua pengadil yang berpengalaman dalam acara ini, sebanyak lapan (8) pasukan telah berjaya menunjukkan kemahiran dan ketangkasaran dalam merebut kejuaraan acara ini. Pelbagai ragam sebelum dan selepas pertandingan dapat disaksikan



Penerangan.....ketua pengadil menerangkan tatacara kawat menyelamat menyelamat di air



Regangan....peserta melakukan regangan terlebih dahulu bagi memastikan tidak berlaku kekejangan otot



Sokongan...ketua kontingen hadir disetiap lokasi pertandingan untuk memberikan sokongan padu



Lapor....ketua pasukan melaporkan diri kepada pengadil sebelum memulakan pertandingan



Mula....peserta mula terjun di dalam air dan berenang sehajauh 50m ke tempat bot



Mangsa...peserta dikehendaki mengambil mangsa ini dengan menggunakan jetski dan membawa ke Phonton Perhentian



Berenang....penyelamat berenang membawa mangsa ke arah bot



Angkat....peserta yang berada di atas bot membantu mengangkat mangsa



Masalah....peserta haruslah mahir dalam mengendalikan injin bot



Kayuh...peserta harus mengayuh bot ini sebelum menamatkan pertandingan



Sindiket Perancangan / Strategi
Taktik Operasi (Table Top)



Pengadil....barisan pengadil yang ditugaskan mengadili pertandingan ini



Lapor...Ketua Pasukan melapor diri kepada ketua pengadil sebelum memulakan pertandingan



Penilaian....pegawai operasi menilai keadaan kawasan bencana

26 Julai 2006 - Tepat jam 0900 pagi, bertempat di Bilik Gerakan FRAM Wakaf Tapai, acara Sindiket Perancangan / Strategi Taktik Operasi telah dimulakan. Dengan diketuai oleh ketua pengadil yang berpengalaman dalam acara ini, sebanyak sembilan (9) pasukan telah berjaya menunjukkan kemahiran dan kebijaksanaan masing-masing dalam merebut kejuaraan acara ini..



Bincang...peserta membuat perbincangan untuk persiapan terakhir sebelum menyeraikan kertas pertandingan kepada ketua pengadil



Keputusan....peserta membuat perbincangan sebelum membuat keputusan terakhir



Tugas...peserta sibuk menjalankan tugas masing-masing



Bantuan....peserta meminta bantuan dari agensi-agensi yang berkaitan dalam menangani bencana



Kerjasama.....sikap kerjasama yang ditunjukan oleh setiap pasukan membanggakan





Ratu Tukul



Hooii...apasal lambat sangat tu..aku dah tak tahan ni



Opps..jange ambik tangga ni, aku tak rela



Kawan-kawan.....jom kita taichi dulu



Alamak...tersepit pulak kaki aku



Harap-harap tak pecah pump casing aku ni...